

S A T U   K A J I A N   M E N G E N A I   P R O S P E K  
P E R K H I D M A T A N   M E S I N   F O T O S T A T  
D I   K A L A N G A N   P E L A J A R  
I T M   S H A H   A L A M

DISEDIAKAN OLEH:


CHRISTOPHER JOHN BAPTIST (82774874)  
DAVID STANISLAUS SELON (83798380)  
RICHARD ARTHUR GABIL (82587225)  
JOHNNY EYUK (82784223)  
WILLIAM THOMAS (82807430)  
JUSTIN A. SEMORING (83775825)

DISEDIAKAN UNTUK  
PUAN ZAAFARAN BINTE ABU HASSAN  
PENSYARAH BUSINESS RESEARCH (BUS 364)  
BAGI MEMENUHI SYARAT KURSUS  
DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES  
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA


SHAH ALAM

SELANGOR


NOVEMBER 1986




CHRISTOPHER JOHN BAPTIST  
82774874




JUSTIN AGONG SEMORING  
83775825




DAVID STANISLAUS SELON  
83798380



JOHNNY EYUK  
82784223



RICHARD ARTHUR GABIL  
82587825



WILLIAM THOMAS  
82807430

## PENGHARGAAN

Melalui ruangan ini, pihak kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menyelenggarakan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu kami ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Encik Yeop Hussin di atas kerjasama dan kesediaan beliau menjadi penasihat kami dalam menjayakan projek ini. Juga terima kasih kepada Puan Zafaran selaku pensyarah Business Research (BR 364) di atas tunjuk ajar yang diberikan.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada kakitangan Pusat Komputer dan Statistik atas bimbingan yang mereka berikan. Seterusnya kami juga amat terhutang budi kepada Encik Yusuf bin Md. Shah, Pegawai Pembelian, Koperasi ITM, Encik Jamil Abd. Latif, Pemilik Syarikat Darsalam, para pemilik mesin fotostat yang lain, para kakitangan pemilik mesin fotostat, Cik Symprosa Kasun pelajar daripada Kajian Sains Matematik dan Komputer dan seterusnya kepada para pelajar daripada semua kajian yang terlibat di dalam tinjauan ini.

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI CARTA	xi
SINOPSIS	xiv
BAB 1	
1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyata Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Hipotesis	7
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Halangan-halangan	9
1.6.1 Kekurangan bahan rujukan	9
1.6.2 Kesuntukan masa	9
1.6.3 Kewangan	9
1.6.4 Kerjasama kurang memuaskan dari pelajar	10
1.7 Andaian-andaian	11
1.8 Istilah-istilah	12

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 2	
2.0 KAJIAN BAHAN	13
2.1 Pengenalan perkhidmatan mesin ITM, Shah Alam	13
2.2 Konsep perkhidmatan mesin fotostat di ITM, Shah Alam	14
2.3 Corak perkhidmatan mesin fotostat di ITM, Shah Alam	15
2.4 Perkembangan mesin fotostat dalam perniagaan	16
BAB 3	
3.0 SISTEM PENGURUSAN FOTOSTAT DI ITM, SHAH ALAM	17
3.1 Carta organisasi	18
3.2 Pembahagian tender	20
3.3 Pembayaran sewa kepada ITM	21
3.4 Pembayaran gaji kepada pekerja	22
3.5 Kemudahan yang diberikan oleh ITM kepada para pemilik mesin fotostat	23
3.6 Masalah dari segi pengurusan	24
3.6.1 Koperasi ITM	24
3.6.2 Pemilik mesin fotostat	25

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 4	
4.0 PERSAINGAN	27
4.1 Persaingan yang wujud di antara para pemilik mesin fotostat di ITM	28
4.2 Persaingan yang wujud di antara para pemilik mesin fotostat di ITM dengan para peniaga di Seksyen Dua, Shah Alam	32
BAB 5	
5.0 METHODOLOGI	34
5.1 Data Primer	34
5.1.1 Temubual secara peribadi	34
5.1.2 Soal selidik	34
5.1.3 Persampelan	
5.2 Data sekunder	
5.2.1 Penyelidikan perpustakaan	39
5.2.2 Bahan-bahan terbitan	39

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

## BAB 6

## 6.0 PENEMUAN

6.1	Rumusan taburan penglibatan pelajar ke atas perkhidmatan fotostat	41
6.2	Taburan penglibatan pelajar ke atas perkhidmatan fotostat dari segi asrama dan kajian	42
6.2.1	Asrama	42
6.2.2	Kajian	44
6.3	Mengenali perkhidmatan mesin fotostat	46
6.3.1	Mengenali Perkhidmatan fotostat sebelum memasuki ITM	46
6.3.2	Mengenali perkhidmatan fotostat semasa di ITM	48
6.4	Hipotesis I	
6.4.1	Lokasi perkhidmatan fotostat yang selalu dikunjungi oleh para pelajar	50
6.4.2	pendapat para pelajar terhadap layanan pekerja	

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

	fotostat dan keadaan lokasi	53
6.4.3	Sebab-sebab pemilihan lokasi	55
6.4.4	Rumusan sebab-sebab pelajar memilih satu-satu lokasi perkhidmatan fotostat	56
6.5	Hipotesis II	57
6.5.1	Waktu dan kekerapan para pelajar menggunakan perkhidmatan fotostat	57
6.5.2	Pandangan pelajar terhadap masa perkhidmatan fotostat	62
6.6	Hipotesis III	67
6.6.1	Pendapat para pelajar samada perkhidmatan fotostat dapat membantu dalam pembelajaran	67
6.6.2	Alasan-alasan para pelajar yang menyokong perkhidmatan fotostat dapat membantu pembelajaran	70
6.6.3	Alasan-alasan para pelajar yang tidak	



KANDUNGAN	MUKA SURAT
menyokong perkhidmatan fotostat dapat membantu pembelajaran	75
6.6.4 Bahan-bahan yang selalu di fotostatkan	80
6.7 Hipotesis IV	83
6.7.1 Analisa harga yang di kenakan	83
6.7.2 Analisa terhadap potongan harga	87
6.7.3 Analisa terhadap kualiti dan saiz kertas	91
6.7.4 Analisa perbelanjaan pelajar secara kasar dalam sebulan	97
6.7.5 Pendapat terhadap pengeluaran mesin fotostat yang lebih sofistikated	97
 BAB 7	 107
7.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN	107
7.1 Kesimpulan	107
7.2 Cadangan	110
 BIBLIOGRAFI LAMPIRAN - LAMPIRAN	

## MUKA SURAT

## SENARAI JADUAL

1. Taburan penglibatan pelajar keatas perkhidmatan fotostat berdasarkan asrama	42
2. Taburan penglibatan pelajar keatas perkhidmatan fotostat berdasarkan kajian	44
3. Mengenali perkhidmatan mesin fotostat sebelum memasuki ITM	46
4. Menggunakan perkhidmatan mesin fotostat semasa di ITM	48
5. Jumlah pelajar yang mengunjung di satu-satu lokasi	50
6. Pendapat para pelajar terhadap layanan yang diberi oleh pekerja fotostat	54
7. Pendapat para pelajar terhadap keadaan lokasi perkhidmatan fotostat	54
8. Sebab-sebab para pelajar memilih satu-satu lokasi perkhidmatan fotostat	55
9. Menunjukkan peratus dan bilangan pelajar yang menggunakan perkhidmatan fotostat pada waktu-waktu tertentu	57
10. Menunjukkan bilangan pelajar dan peratus kekerapan menggunakan	

	perkhidmatan fotostat	60
11.	Menunjukkan peratus dan bilangan pelajar yang berpendapat Ya atau Tidak dengan masa yang ada sekarang (8.00 pagi - 4.45 petang)	62
12.	Menunjukkan peratus dan bilangan pelajar yang memberi cadangan masa yang sesuai bagi tempoh perkhidmatan fotostat	64
13.	Pelajar yang menyokong dan tidak menyokong bahawa perkhidmatan fotostat dapat membantu dalam pembelajaran	
14.	Alasan-alasan mengapa pelajar bersetuju bahawa perkhidmatan fotostat dapat membantu dalam pembelajaran	67
15.	Alasan-alasan mengapa pelajar tidak bersetuju bahawa perkhidmatan fotostat dapat membantu dalam pembelajaran	70
16.	Bahan yang selalu difotostat	80
17.	Pandangan para pelajar terhadap harga yang dikenakan sekarang ini	85
18.	Harga yang dicadangkan	85
19.	Bilangan pelajar yang pernah dan tidak pernah mendapat potongan harga apabila menggunakan perkhidmatan ini	87

20.	Pendapat terhadap jumlah salinan yang layak mendapat potongan harga.	89
21.	Pendapat para pelajar mengenai kualiti kertas yang digunakan	91
22.	Pandangan para pelajar terhadap saiz kertas yang digunakan oleh pemilik mesin fotostat	93
23.	Cadangan pelajar mengenai saiz kertas yang sesuai digunakan untuk perkhidmatan ini	95
24.	Perbelanjaan secara kasar dalam masa sebulan untuk membuat salinan	97
25.	Pandangan pelajar terhadap pengenalan mesin fotostat yang lebih sofistikated di ITM	99
26.	Alasan-alasan yang diberikan mengenai perlunya mesin fotostat	101
27.	Alasan-alasan mesin fotostat yang sofistikated tidak perlu diperkenalkan di ITM	104

SENARAI CARTA

## MUKA SURAT

1.	Carta organisasi koperasi ITM	19
2.	Carta organisasi pemilik mesin fotostat	19
3.	Carta lokasi mesin fotostat	30
4.	Jumlah pelajar yang mengunjungi di satu-satu lokasi	52
5.	Peratus pelajar yang menggunakan perkhidmatan fotostat pada waktu- waktu tertentu	59
6.	Peratus kekerapan yang menggunakan perkhidmatan fotostat pada waktu-waktu tertentu	61
7.	Peratus pelajar yang berpendapat Ya atau Tidak dengan masa yang ada sekarang	63
8.	Peratus pelajar yang memberi cadangan masa yang sesuai bagi tempoh perkhidmatan fotostat	66
9.	Peratus pelajar yang menyokong dan tidak menyokong bahawa perkhidmatan fotostat itu membantu dalam pembelajaran	69
10.	Bilangan pelajar yang menyokong setiap alasan	74

## MUKA SURAT

11.	Jumlah pelajar yang menyokong alasan-alasan yang berlainan tentang kenapa perkhidmatan fotostat tidak membantu dalam pembelajaran	82
12.	Taburan pelajar yang selalu memfotostat bahan-bahan yang berlainan	82
13.	Pandangan para pelajar terhadap harga yang dikenakan sekarang ini	84
14.	Harga yang dicadangkan	86
15.	Bilangan pelajar yang pernah dan tidak pernah mendapat potongan harga apabila menggunakan perkhidmatan ini	88
16.	Pendapat terhadap jumlah salinan yang mendapat potongan harga	90
17.	Pendapat pelajar mengenai kualiti kertas yang digunakan	92
18.	Pandangan para pelajar terhadap saiz kertas yang digunakan oleh pihak pemilik mesin fotostat	94
19.	Cadangan pelajar mengenai saiz kertas yang sesuai digunakan untuk perkhidmatan ini	96

## MUKA SURAT

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 20. | Perbelanjaan secara kasar dalam<br>masa sebulan untuk membuat salinan                           | 98  |
| 21. | Pandangan pelajar terhadap pengenalan<br>mesin fotostat yang lebih<br>solistikated di ITM       | 100 |
| 22. | Alasan yang diberi mengenai perlunya<br>mesin fotostat yang lebih<br>solistikated diperkenalkan | 103 |
| 23. | Alasan-alasan mesin fotostat yang<br>solistikated tidak perlu di<br>perkenalkan di ITM          | 106 |

## SINOPSIS

Tajuk penyelidikan yang kami jalankan ialah "Kajian mengenai prospek perkhidmatan fotostat di ITM, Shah Alam". Tujuan kami membuat penyelidikan ini selain daripada memenuhi syarat untuk mendapatkan Diploma ianya juga untuk mendedahkan kami cara-cara dan proses-proses membuat penyelidikan, di mana ianya meliputi teori-teori penyelidikan pengumpulan data dan maklumat menganalisa dan menyusun dan menulis data-data dan maklumat di dalam bentuk laporan.

Bab 1 penyelidikan ini menerangkan secara ringkas tentang latarbelakang mesin fotostat, objektif penyelidikan, penyata masalah, hipotesis, skop kajian, halangan-halangan dan andaian-andaian berkenaan dengan penyelidikan ini.

Bab 2 pula menerangkan berkenaan dengan kajian bahan yang merangkumi pengenalan perkhidmatan mesin fotostat di ITM, Shah Alam, selain daripada itu konsep dan corak perkhidmatan mesin fotostat yang ada sekarang ini juga diterangkan.

Bab 3 menerangkan tentang sistem pengurusan fotostat di ITM, Shah Alam. Dalam bab ini juga diterangkan tentang pembahagian tender, para pemilik mesin



fotostat, pembayaran sewa dan gaji, kemudahan yang diberikan oleh pihak koperasi kepada pemilik mesin fotostat dan seterusnya tentang masalah yang dihadapi oleh kedua-dua pihak iaitu koperasi dan pemilik mesin fotostat.

Sementara Bab 4 pula memberi penerangan tentang persaingan yang wujud di antara pemilik mesin fotostat di dalam kampus atau di luar kampus seperti di Seksyen Dua, Shah Alam.

Methodologi pula diterangkan di dalam Bab 5 di mana maklumat didapati daripada Data Primer dan Data Sekunder.

Bab 6 di dalam penyelidikan ini adalah berkenaan dengan penemuan. Di dalam penemuan ini terdapat 4 hipotesis kesemuanya dan ke empat-empat hipotesis dapat dibuktikan melalui borang soal selidik yang diberikan kepada para pelajar.

Akhir sekali di dalam Bab 7 mengandungi kesimpulan dan cadangan-cadangan, dimana ianya berdasarkan pendapat-pendapat daripada para pelajar, pemilik mesin fotostat dan pihak koperasi ITM.

## BAB 1

- 1.0 PENDAHULUAN
- 1.1 PENGENALAN
- 1.2 PENYATA MASALAH
- 1.3 OBJEKTIF KAJIAN
- 1.4 HIPOTESIS
- 1.5 SKOP KAJIAN
- 1.6 HALANGAN-HALANGAN
- 1.7 ANDAIAN-ANDAIAN
- 1.8 ISTILAH-ISTILAH  
(DI MANA SESUATU SALINAN TERJEMAHAN DIBUAT)

## 1.0 PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Fotostat ialah proses di mana kamera khas digunakan tanpa mengenakan kertas yang peka kepada cahaya untuk menghasilkan salinan. Ia diperkenalkan oleh Photostate Corporation yang juga merupakan pengasas proses ini<sup>1</sup>.

'Xerography' ialah istilah dari bahasa Greek - Xeros bermaksud kering dan graphia ialah tulisan. Peralatan kamera mesin fotostat yang moden adalah lebih sofistikated dan menggunakan alat-alat otomatik.

Dalam 'Xerography' kepingan yang disalutkan dengan elemen selenium dicaskan dengan elektrik statik. Cahaya dipantulkan dari 'original' melalui lensa. Imej yang bercas positif bergerak ke kawasan 'original' yang gelap dan kemudian terbentuk di atas permukaan yang sangat sensitif. Permukaan yang lain akan kehilangan cas elektrik statik. Toner (powdered ink) yang bercas negatif disapukan ke atas permukaan yang sensitif tadi dan melekat kepada imej. Imej yang bercampur dengan toner

---

1

Harold Denstman, Photographic reproduction (Mc Graw Hill book Company Inc., New York, 1963). p. 180.

kemudiannya dipindahkan ke kertas yang bercas<sup>2</sup> positif dan serta-merta dipanaskan .

Mesin fotostat berkeupayaan merekod semua maklumat yang terdapat pada salinan asal. Ini adalah sebab mengapa hasil salinan dapat diterima sebagai gantian yang sah (legal substitute) untuk dokumen rasmi seperti surat beranak, sijil-sijil, surat hak milik tanah dan sebagainya .<sup>3</sup>

Mesin fotostat mula mendapat perhatian di Malaysia pada pertengahan tahun 70an. Syarikat yang pertama memperkenalkan konsep ini ialah Rank Xerox Limited .<sup>4</sup> Pada ketika itu model yang popular keluaran Rank Xerox ialah model 914. Pada mulanya, mesin ini hanya digunakan di pejabat sahaja. Tapi kini penggunaannya semakin meluas dan bergerak kearah trend baru iaitu bidang perniagaan. Mesin ini dilengkapi dengan meter untuk merekod jumlah salinan yang dihasilkan. Kebanyakan kedai-kedai buku dan syarikat-syarikat tertentu ada menawarkan perkhidmatan fotostat dengan mengenakan bayaran yang berpatutan.

---

<sup>2</sup> The World Book Encyclopedia, Volume 15, World book Inc., U.S.A., 1984, p. 364.

<sup>3</sup> Opcit (Harold) p. 181.

<sup>4</sup> Encik Halim Mohammad, Pengurus Rank Xerox Limited (Bahagian Pengeedaran), Temubual. 11hb. Oktober 1986.

Adalah dijangkakan penggunaan mesin fotostat akan terus meningkat kerana mesin ini semakin cekap dan permintaan oleh pelajar, orang ramai dan pekerja-pekerja penyelidikan bertambah sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan.

Selaras dengan perkembangan trend ini, berbagai jenis jenama serta model mesin fotostat telah muncul di pasaran. Antara lain ialah Xerox, Ricoh, Toshiba, Canon, Minolta dan sebagainya. Di antara jenama ini, Xerox adalah jenama yang paling menonjol sekali. Model terbaru Xerox yang terdapat di pasaran Malaysia ialah terdiri dari model 1025, model 1040, model 1055, model 1075 dan model 9500. Tiap-tiap model ini mempunyai fungsi serta keupayaan yang berlainan. Harga mesin fotostat adalah berbeza mengikut jenama dan model. Berikut adalah harga mesin fotostat Xerox mengikut model sebagai contoh .

Model 1040	- \$27,000
Model 1055	- \$54,000
Model 1075	- \$160,000
model 9500	- \$180,000

---

5

Encik Halim Mohammad, Pengurus Rank Xerox Limited  
(Bahagian Penedaran). Temubual, 11 Oktober 1986

## 1.2 PENYATA MASALAH

- I) Mesin-mesin fotostat yang digunakan adalah dari jenis yang kurang baik dan ini telah menghasilkan salinan yang kurang memuaskan seperti kurang jelas dan kabur. Justeru itu, timbullah perasaan tidak puashati di kalangan pengguna-pengguna mesin fotostat ini.
- ii) Terdapatnya perbezaan harga untuk satu salinan di antara dalam kampus dan di luar kampus iaitu di Seksyen Dua. Jadi ini boleh menjejaskan prospek mesin fotostat yang terdapat dalam kampus ITM.
- iii) Jumlah mesin-mesin fotostat yang terdapat masa kini tidak mencukupi untuk menampung keperluan para pelajar. Ini disebabkan pada setiap semesta jumlah pelajar kian bertambah.
- iv) Masa perkhidmatan yang diberi adalah tidak memuaskan. Kadang-kadang ada di kalangan para pelajar yang tidak sempat untuk menggunakan perkhidmatan ini kerana perkhidmatan ini akan tutup pada pukul empat petang.
- v) Layanan oleh pekerja-pekerja mesin fotostat

kurang memuaskan yaitu mereka mengambil masa yang banyak untuk membuat salinan sesuatu bahan. Jadi, para pelajar terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapatkan balik bahan yang difotostat.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- i) Untuk mengenalpasti sambutan para pelajar terhadap perkhidmatan fotostat yang terdapat di kampus ITM, Shah Alam.
  
- ii) Untuk mengenalpasti samada perkhidmatan fotostat yang disediakan setakat ini dapat memenuhi ataupun menampung keperluan para pelajar.
  
- iii) Untuk mengkaji sejauh manakah keberkesanan dan masa depan perkhidmatan mesin fotostat di kampus ITM Shah Alam.